PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 APRIL 2015

Najib lancar PPPM (PT) hari ini

um - 7/4/2015

KUALA LUMPUR 6 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pepdidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 di The Royale Chulan Hotel di sini, esok.

Pelan tersebut mengandungi 10 lonjakan setelah melalui tiga fasa yang melibatkan semua pihak berkepentingan demi membawa sistem pendidikan tinggi Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi darrbertaraf dunia. -

Fasa I adalah semakan semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada tahun 2013 yang melibatkan pelbagai pihak yang berkaitan dengan pendidikan tinggi dari dalam dan luar negeri melalui kajian soal selidik, perbincangan kumpulan terfokus dan juga sesi pendengaran umum.

Input yang diperoleh daripada Fasa I telah digunakan sebagai baseline untuk proses membentuk konsep PPPM (PT) atau Fasa II yang melibatkan ahli akademik serta pendidik di kalangan sektor awam dan swa$ta.

Seterusnya, dalam Fasa in, pelan yang telah ditulis ini sekali lagi, mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak, sama ada secara bersemuka atau dalamtalian, merangkumi 5,000 peserta yang terdiri daripada wakil institusi pengajian tinggi, badan profesional, persatuan pekerja, pihak industri, pelajar dan alumni, persatuan ibu bapa dan guru (PIBG).

Pelan ini merupakan kesinambungan PPPM (sekolah) yang fokus untuk membangunkan kemahiran khusus dan atribut yang boleh diterapkan kepada murid dan mahasiswa bagi membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global pada masa hadapan.

Menerusi PPPM (PT), Kementerian Pendidikan akan memastikan bahawa akses dan kualiti pendidikan akan terus ditingkatkan untuk semua warganegara secara saksama.

^ ^ ^ lOLonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

1 Graduan Holistik, Keusahawanan dan Seimbang
2. Kecemerlangan Bakat
3. Masyarakat Yang Belajar Sepanjang Hayat
4. Graduan TVET (Latihan Pendidikan Teknikal & Vokasional) Berkualiti
5. Kelestarian Kewangan
6. Tadbir Urus Perkasa
7. Ekosistem Inovasi
8. Kesohoran Global
9. Pembelajaran Dalam Talian Secara Global
10. Penyampaian Pendidikan Tinggi yang Ditransformasi